

'Penjaja warga asing degil, tak serik'

Masih berani jual jagung bakar sekitar LRT Ampang, Saloma Bridge

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
 KUALA LUMPUR

Penjaja warga asing dilihat tidak serik dan tetap berdegil apabila masih berani beroperasi menjual makanan di sekitar lokasi tumpuan pelancong di ibu negara.

Walaupun pernah disita sebelum ini, penjaja haram terbabit meneruskan perniagaan menjual jagung bakar di sekitar bandar raya sibuk dengan kehadiran pelancong.

Terbaharu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur meneruskan tindakan menyita barangan penjaja jagung bakar warga asing di sekitar kawasan LRT Ampang dan Saloma Bridge, Jalan Saloma malam Isnin.

DBKL dalam satu kenyataan di laman Facebooknya memaklumkan, tindakan khas itu dilaksanakan Jabatan Penguatkuasaan DBKL itu dalam satu operasi Tindakan Penguatkuasaan dan Sitaan.



Barangan dan peralatan yang disita dihantar ke stor sitaan DBKL Taman Miharja di Cheras.



Penjaja warga asing ini masih berdegil menjual jagung bakar walaupun pernah disita sebelum ini.

"Melalui tindakan khas yang dijalankan, DBKL melaksanakan tindakan sitaan dan pindah barangan meherusi peruntukan di bawah UUK 3(1) Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016 menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen.

"Antara barangan yang disita adalah jagung, papan alas, dapur untuk memanggang, rak plastik dan lain-lain," menurut kenyataan pada Selasa.

Menurutnya, barangan dan peralatan yang disita dihantar ke stor sitaan DBKL Taman Miharja, Cheras untuk tujuan dokumentasi dan tindakan selanjutnya.

Sejak Januari lalu, DBKL mengambil tindakan berterusan dan pemantauan berkala di sekitar kawasan tumpuan di ibu negara menerusi siri-siri tindakan khas termasuk di KLCC.

Mengulas lanjut, DBKL menegaskan pihaknya akan melakukan kawalan dan pemantauan secara berkala di lokasi kawasan tumpuan termasuklah menyita premis yang tidak mempunyai lesen sah.

Sementara itu, pihak DBKL telah membuat pemantauan berhubung aduan awam mengenai kehadiran penjaja warga asing ala Bombay di ibu negara.

Dalam satu kenyataan berkata, pemantauan mendapati penjaja warga asing berkenaan tidak berada di tapak semasa pemeriksaan dijalankan.

Menurutnya, berdasarkan maklumat diterima aktiviti itu hanya dijalankan di lokasi berkenaan selepas solat Jumaat.

Pada Jumaat, *Sinar Harian* melaporkan artikel bertajuk 'Penjaja ala Bombay di KL', netizen persoal mana penguat kuasa selepas tular video tersebut di media sosial.

Tidak cukup meja, kelihatan penjaja tersebut turut menggunakan sebuah troli pasar raya untuk meletakkan jualannya yang mendapat sambutan dalam kalangan rakan-rakan senegaranya.

Penularan video tersebut mengundang reaksi pengguna media sosial yang kurang senang akan kelemahan sistem penguatkuasaan yang dilihat seolah-olah terlepas pandang terhadap aktiviti itu.